

LATIHAN GEOGRAFI TINGKATAN 3
BAB 8: TUMBUH-TUMBUHAN SEMULA JADI DAN HIDUPAN LIAR DI
DUNIA
LATIHAN 1

Nurul Amilin Ahmad Razukee
SMK Tanjung Chat, Kota Bharu, Kelantan

A) Pilih jawapan yang paling tepat.

1. Maklumat berikut adalah ciri-ciri sejenis tumbuhan semula jadi di dunia

- Batang lurus
- Pokok berbentuk kon
- Daun kecil dan berbentuk jarum

A. Hutan Monsun Tropika

C. Hutan Konifer

B. Hutan Daun Luruh Sederhana

D. Tumbuhan Gurun Panas

2. Mengapakah tumbuh-tumbuhan di Hutan Monsun Tropika menggugurkan daun pada musim kering?

A. Suhu yang sangat tinggi

B. Mengurangkan kehilangan air

C. Angin monsoon bertiup kencang

D. Kemarau yang berpanjangan

3. Gambar di bawah menunjukkan sejenis hidupan liar



Hidupan liar di atas terdapat di Kawasan....

A. Hutan Konifer

C. Hutan Daun Luruh Sederhana

B. Gurun Panas

D. Hutan Monsun Tropika

4. Apakah ciri tumbuhan di Gurun Panas?

A. Daun banyak dan lebar

B. Menggugurkan daun pada musim kering

C. Daun yang kecil, berduri dan batang berongga

D. Batang pokok yang tinggi dan lurus

5.

- Eropah Barat
- Jepun
- Amerika Syarikat

Apakah jenis tumbuhan semula jadi di Kawasan di atas?

A. Hutan Monsun

C. Hutan Daun Luruh Sederhana

B. Gurun Panas

D. Hutan Konifer

6. Hidupan liar yang manakah terdapat di Hutan Daun Luruh Sederhana?

A. Unta

C. Badger

B. Cerpelai

D. Pelanduk

7. Padankan ciri-ciri dengan tumbuhan semula jadi yang betul.

Ciri tumbuh-tumbuhan semula jadi	Tumbuh-tumbuhan semula jadi
(a) • Daun nipis dan lembut • Batang pokok berkulit tebal • Meluruhkan daun pada musim luruh	Tumbuhan Gurun Panas
(b) • Pokok tinggi dan lurus • Hujung daun berbentuk tirus • Lantai hutan padat	Hutan Daun Luruh Sederhana
(c) • Berakar panjang • Daun kecil, berduri dan berbulu • Biji benih tahan kemarau	Hutan Konifer
(d) • Berakar pendek • Daun kecil, halus dan berbentuk jarum • Kepadatan tumbuhan sederhana	Hutan Monsun Tropika

